



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-32**

**PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN DAN AUDIT BADAN PENSIJILAN
TAHUN 2017 BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS),
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) DAN
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan tahun 2017 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Pelaksanaan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

2. Berdasarkan keperluan standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 klausa 9.2, standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 klausa 9.2 dan standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004 Klausa 4.5.5 menyatakan UPM hendaklah mengendalikan audit dalaman pada waktu yang terancang bagi memastikan keperluan standard dipatuhi.

3. Manakala audit oleh pihak ketiga (Badan pensijilan SIRIM) dilaksanakan untuk memastikan UPM mendapat dan mengekalkan pensijilan bagi ketiga-tiga sistem pengurusan yang tersebut di atas.

4. Jadual pelaksanaan audit di UPM adalah sebagaimana **Jadual A**.

Jadual A: Tarikh Penting Pelaksanaan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

Perkara/Aktiviti	Sistem Pengurusan ISO		
	Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015*	Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013	Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004
1. <u>Audit Dalaman</u>			
1.1 Tarikh Audit Dalaman	10 – 21 Julai 2017	16 – 18 Mei 2017	6 – 9 Jun 2017
1.2 Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman	31 Julai 2017	22 Mei 2017	15 Jun 2017
2. <u>Audit pihak Ketiga oleh Badan Pensijilan SIRIM</u>			
2.1 Tarikh audit	11 – 15, 18 - 22 & 25 – 26 September 2017	2 – 3 Oktober 2017	9 – 10 Oktober 2017
2.2 Peringkat Audit	Audit Pemantauan Semakan 2	Audit Pemantauan Semakan 2	Audit Pensijilan Semula
2.3 Tarikh akhir hantar pelan tindakan ke SIRIM (Dalam tempoh 1 bulan selepas mesyuarat penutupan audit) <i>Nota: Sekiranya ada Laporan Ketakakuran (NCR)</i>	26 Oktober 2017	2 November 2017	9 November 2017
2.4 Tarikh akhir hantar bukti tindakan ke SIRIM (Dalam tempoh 3 bulan selepas mesyuarat penutupan audit) <i>Nota: Sekiranya ada Laporan Ketakakuran (NCR)</i>	22 Dis 2017	2 Januari 2018	9 Januari 2018

*Nota: Pelaksanaan audit Sistem pengurusan Kualiti menggunakan Standard baharu

Syor

5. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil perhatian berhubung tarikh penting pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan tahun 2017 dan memohon Pusat Tanggungjawab (PTJ) membuat hebahan kepada warga PTJ masing-masing supaya tidak bertindih dengan program PTJ;
- (b) meminta kerjasama PTJ membuat semakan sendiri serta menyemak laporan penemuan audit lepas bagi memastikan penemuan audit yang sama tidak berulang.